



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KELEBIHAN INOVASI PRODUK KRAFTANGAN TERPILIH BERDASARKAN
TEKNOLOGI YANG DIGUNAKAN**

Oleh

NUR HIDAYATH BINTI MOHD ROSLI

C17A0226

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat

Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Teknologi Kreatif Dengan Keahlian (Tekstil Fesyen)

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya. Saya Nur Hidayath Binti Mohd Rosli pelajar Universiti Malaysia Kelantan kampus Bachok (UMK) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dan Warisan (Tekstil Fesyen) berjaya menyiapkan kajian ilmiah tahun akhir ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung.

Di kesempatan ini, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Cik Nawwal Binti Abdul Kadir kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan memudahkan segala urusan saya semasa membuat dan mencari maklumat dalam menyelesaikan projek penyelidikan tahun akhir saya ini. Tanpa bantuan beliau, sudah pasti saya tidak dapat menyelesaikan projek penyelidikan saya ini dengan baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga terima kasih kepada ibu bapa saya serta suami saya yang telah banyak memberi sokongan dan membantu saya sepanjang tempoh menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir ini. Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya yang telah sama-sama membantu dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Semoga segala pertolongan yang disumbangkan ini menjadi asbab kebaikan kelak. Sekian terima kasih.

KELANTAN

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii-iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1 - 4
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Pernyataan Masalah	6 - 7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10 - 11
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Sumbangan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	14
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.0 Kraftangan	15 - 18
2.1 Teknologi	19 - 20
2.2 Batik	21 - 23
2.3 Sejarah Sutera Saring (Silk Screen)	
2.3.1 Pengenalan	24 - 26
2.3.2 Sejarah Sutera Saring (Silk Screen)	27 - 29
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	30 - 31
3.1 Jenis Kaedah Metodologi	32 - 33
3.1.1 Kaedah Kualitatif	33 - 34
3.1.2 Kaedah Kuantitatif	34 - 35
3.1.3 Kaedah Campuran	36 - 37

3.1.4 Kaedah Dipilih	37
3.2 Kajian Instrumen	38
3.2.1 Soal Selidik	38 – 39
3.2.2 Pemerhatian	39
3.2.3 Temubual	40
3.2.4 Ujian	41
3.2.5 Kajian Instrumen Dipilih	41
Contoh Borang Soal Selidik	42 - 43
3.3 Data Analisis	44
3.4 Target Kajian	45
3.5 Kesimpulan	46
BAB 4: MENGANALISIS DATA	
4.0 Pengenalan	47
4.1 Analisis Maklumat Responden	48 - 49
4.1.1 Jantina	50
4.1.2 Umur	50 - 51
4.1.3 Bangsa	51 - 52
4.1.4 Pekerjaan	52
4.2 Analisis Produk Kraftangan Terpilih Berdasarkan Teknologi Yang Digunakan	53
4.2.1 Adakah Anda Mengenali Batik Sutera Saring (Silk Screen)?	
4.2.2 Antara Batik Canting Tangan Dan Batik Sutera Saring (Silk Screen) Yang Mana Lebih Diminati?	57
4.2.3 Adakah Anda Berminat Untuk Membeli Produk Kraftangan Yang Digabungkan Dengan Element Batik Saring (Silk Screen)?	60
4.2.4 Adakah Produk Kraftangan Dengan Gabungan Element Batik (Silk Screen) Ketinggalan Zaman Dan Sudah Tidak Digunakan?	63
4.2.5 Adakah Anda Merasakan Produk Kraftangan Dengan Element Gabungan Batik (Silk Screen) Berharga Mahal?	67
4.2.6 Adakah Produk Kraftangan Dengan Gabungan Elemen Batik (Silk Screen) Ini Dapat Diterima Oleh Orang Ramai Bukan Sahaja Di Malaysia Tetapi Di Negara Luar Juga?	70
4.3 Proses Rekaan Produk Dan Penghasilan Produk	72
4.3.1 Idea/Konsep	76
4.3.2 Reka Bentuk Lakaran Motif	79
4.3.3 Proses Pencetakan Motif Pada Kain Menggunakan Teknologi Silk Screen	82

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	86
5.1 Kesimpulan	89
5.2 Cadangan	92

RUJUKAN	93
----------------	----

LAMPIRAN	95
-----------------	----



ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk mengkaji kelebihan inovasi produk kraftangan terpilih berdasarkan teknologi yang digunakan. Kajian ini dijalankan di dalam semua golongan masyarakat di Malaysia. Kajian ini juga mampu untuk memartabatkan dan menarik kembali minat masyarakat dalam penggunaan produk kraftangan. Kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti bagaimana persepsi masyarakat mengenai produk kraftangan dan teknologi moden yang digunakan dalam penghasilan produk kraftangan. Objektif kajian ini adalah mencadangkan kaedah dan teknik baharu untuk meningkatkan penghasilan produk kraftangan. Objektif seterusnya adalah mengenalpasti bagaimana produk kraftangan diinovasikan dengan menggunakan teknologi. Objektif terakhir adalah mengenalpasti penggunaan teknologi (silk skrin) dalam penghasilan produk kraftangan dengan elemen batik diterima masyarakat. Kajian ini telah menggunakan metodologi kajian kaedah kuantitatif. Kedah kuantitatif soal selidik akan digunakan untuk memperolehi maklumat daripada responden masyarakat di Malaysia. Hasil daripada kajian ini, ia mampu meningkatkan lagi permintaan terhadap penggunaan produk kraftangan. Generasi muda akan lebih menghargai produk kraftangan dan penggunaan produk kraftangan tidak akan ketinggalan zaman.

ABSTRACT

This study is a case study that aims to examine the innovation advantages of selected handicraft products based on the technology used. This study was conducted in all sections of society in Malaysia. This study is also able to elevate and attract back public interest in the use of handicraft products. This study is also to identify how the public perception of handicraft products and modern technology used in the production of handicraft products. The objective of this study is to propose new methods and techniques to improve the production of handicraft products. The next objective is to identify how handicraft products are innovated using technology. The final objective is to identify the use of technology (silk screen) in the production of handicraft products with batik elements accepted by the community. This study has used the research methodology of quantitative methods. Quantitative questionnaire will be used to obtain information from community respondents in Malaysia. As a result of this study, it is able to further increase the demand for the use of handicraft products. The younger generation will be more appreciative of handicraft products and the use of handicraft products will not be outdated.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Kajian ini merupakan kajian tentang kelebihan inovasi produk kraftangan yang menggunakan teknologi yang digunakan. Pertama sekali perlu mengerti apa itu maksud kraftangan dan sejarah kraftangan. Kraftangan seperti seni kraf tradisional giat berkembang pada abad ke-19 lagi terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak. Pada zaman ini, semua tukang-tukang kraf hanya bekerja dan tinggal dalam perkarangan istana atau kediaman-kediaman orang bangsawan dan orang-orang besar. Tukang-tukang kraf ini amat mahir dalam penghasilan tenunan, pertukangan emas, perak, pembuatan batik dan ukiran kayu.

Hasil kraftangan membawa kepentingan kepada kebudayaan dan keagamaan. Dengan erti kata lain, keluaran kraftangan membawa maksud apa-apa keluaran artistic yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional. Kraftangan merupakan hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan.

Kraftangan juga mempunyai tarikan unsur tradisional yang menunjukkan proses pembentukan. Pembentukan itu dimaksudkan dengan menggunakan kemahiran tangan dan boleh juga meliputi penggunaan mesin atau alat-alat yang tertentu. Produk kraftangan yang dihasilkan juga memberikan sesuatu makna dan hasil seni yang sangat bernilai kepada

negara kerana produk kraf merupakan salah satu warisan budaya Malaysia.

Di samping itu, untuk menghasilkan produk kraf yang tertentu juga ada yang menggunakan teknologi. Teknologi merangkumi satu perspektif yang luas dan makna-makna yang tertentu. Maksud teknologi juga sinonim dikaitkan dengan aspek-aspek yang berkaitan pembangunan, penggunaan alatan, jentera atau mesin yang berorientasikan untuk memudahkan urusan manusia dalam menjalani kehidupan seharian atau memudahkan manusia untuk melakukan sesuatu perkerjaan. Dalam konteks ini, apa-apa material yang memberikan kemudahan kepada manusia ditakrifkan sebagai teknologi. Teknologi ini tidak tetap dan sentiasa berkembang dan berubah seiring dengan kemajuan.

Selain itu, teknologi juga dimaksudkan dengan rekaan sesuatu kemudahan atau infrastruktur yang disandarkan kemajuan dalam bidang sains dan kebolehan seseorang untuk mencipta. Dalam pengertian ini kedua-dua unsur ini saling memerlukan untuk menghasilkan sesuatu ciptaan atau lebih tepat teknologi.

Di samping itu, batik juga merupakan salah satu produk kraftangan yang ditinggalkan oleh orang terdahulu untuk generasi zaman kini. Batik juga dihasilkan menggunakan pelbagai teknologi yang sesuai. Teknologi yang digunakan sesuai mengikut peredaran masa dan perkembangan teknologi. Dengan perkembangan teknologi untuk menghasilkan sesuatu produk seperti produk kraftangan, ia lebih memudahkan seseorang melakukan kerja dengan masa yang ringkas dan dalam kuantiti yang banyak.

Dalam kajian ini, teknologi terkini telah digunakan untuk menghasilkan produk kraftangan. Teknologi tersebut adalah cetakan sutera saring (silk screen). Cetakan sutera saring ini merupakan kesan daripada gubahan yang dihasilkan oleh pelukis pada permukaan blok atau plat. Untuk menghasilkan cetakan, biasanya permukaan blok diukir atau diguris sehingga imej terbentuk pada blok atau plat tersebut sebelum dapat dipindahkan ke atas kertas, kain atau bahan lain. Blok yang sama dapat menghasilkan beberapa keping karya yang serupa. Cetakan yang berulang kali ini disebut edisi/ siri. Cetakan juga merupakan proses menghasilkan karya atau imej yang sama berulang kali. Dalam aktiviti ini, semua karya cetakan dalam sesuatu edisi dianggap karya asli.


Sejarah cetakan ialah apabila cetakan blok kayu buatan tangan muncul pada abad ke 7 Masihi di China. Seterusnya industri cetakan mono bok kayu buatan tangan muncul dan berkembang di negara barat menjelang abad ke 14 Masihi. Ketika itu, kemahiran mencetak digunakan untuk mencetak bahan keagamaan, hiasan ilustrasi buku, poster untuk komunikasi, propaganda, dan bahan pendidikan. Penggunaan warna dalam cetakan diperkenalkan pada pertengahan abad ke 15. Sejarah cetakan di Malaysia dibawa masuk dari Singapura pada tahun 1940 an melalui Nanyang Akademi.

Rakyat Malaysia yang belajar di Institut Seni di Singapura telah mempelopori teknik seni cetakan dan memperluaskannya. Menjelang tahun 1960 an, teknik cetakan telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran seni lukis secara rasmi di institusi perguruan seperti Institut Perguruan Ilmu Khas. Di Malaysia, cetakan kayu digunakan untuk mencetak kain sarung


sebelum kaedah lilin dari Jawa diperkenalkan. Seni cetakan di Malaysia telah muncul sebagai satu cabang seni halus yang unik.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kelebihan inovasi produk kraftangan terpilih berdasarkan teknologi yang digunakan. Produk kraftangan yang terpilih digabungkan dengan penggunaan teknologi pembuatan cetakan batik sutera saring (Silk Screen). Hal ini bertujuan untuk mengikut kesesuaian zaman dan cita rasa masyarakat masa kini dengan menginovasikan produk kraftangan menggunakan teknologi yang digunakan.

Kajian ini juga mampu untuk menggalakkan dan meningkatkan kembali penggunaan produk kraftangan yang diinovasikan mengikut peredaran zaman. Penerimaan masyarakat mungkin akan lebih tinggi apabila produk kraftangan diinovasikan dengan menggunakan teknologi pembuatan cetakan batik sutera saring (Silk Screen).

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Jika dahulu, produk kraftangan adalah produk barangan yang akan ada dan akan digunakan pada setiap rumah di kalangan masyarakat, tidak kira bangsa Melayu, Cina mahupun India. Produk kraftangan adalah salah satu produk yang sangat digemari dan sangat terkenal pada suatu ketika dahulu. Akan tetapi permintaan kepada produk kraftangan pada masa kini tidak mendapat sambutan yang baik. Hal ini terjadi kerana, perubahan masa dan perubahan produk. Pada masa kini, masyarakat banyak memilih menggunakan produk daripada plastik. Kemungkinan besar juga kerana kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga khazanah peninggalan nenek moyang terdahulu.

Produk kraftangan merupakan salah satu warisan peninggalan daripada nenek moyang yang akan diwarisi oleh generasi seterusnya. Oleh itu semua pihak bertanggungjawab menjaga dan meneruskan penghasilan produk kraftangan sehingga generasi baru yang akan datang. Hal ini kerana jika warisan pembuatan produk kraftangan ini tidak dijaga kemungkinan produk kraftangan ini akan ketinggalan zaman dan tidak diguna pakai lagi oleh generasi akan datang.

Seterusnya, inovasi produk kraftangan amat penting untuk masa kini kerana permintaan terhadap produk kraftangan semakin berkurangan. Hal ini demikian kerana ramai yang beranggapan produk kraftangan tidak menarik dan telah ketinggalan zaman. Oleh itu, tukang yang membuat produk kraftangan perlu

memikirkan bagaimana cara dan teknik baru untuk menginovasikan produk kraftangan mengikut citarasa masyarakat pada masa kini.

Selanjutnya, dalam kajian ini perlu diterapkan bagaimana langkah-langkah untuk menarik minat masyarakat untuk menggunakan produk kraftangan. Produk kraftangan ini juga perlu diterapkan dengan corak-corak batik supaya lebih menampakkan produk kraftangan itu menarik dan mempunyai nilai tradisional. Dengan penambahan corak batik ini, produk kraftangan akan lebih nampak mahal dan mewah. Dengan langkah ini, ia akan menarik lagi minat masyarakat dalam menggunakan produk kraftangan buatan Malaysia. Ia sekali gus akan meningkatkan martabat produk kraftangan setaraf dengan produk antarabangsa.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif kajian yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai kelebihan inovasi produk kraftangan terpilih berdasarkan teknologi yang digunakan iaitu:

- i) Mencadangkan kaedah dan teknik baharu untuk meningkatkan penghasilan produk kraftangan
- ii) Mengenalpasti bagaimana produk kraftangan diinovasikan dengan menggunakan teknologi.
- iii) Mengenalpasti penggunaan teknologi (silk skrin) dalam penghasilan produk kraftangan dengan elemen batik diterima masyarakat

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan kajian yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai kelebihan inovasi produk kraftangan terpilih berdasarkan teknologi yang digunakan iaitu:

- i) Bagaimanakah cara untuk memartabatkan produk kraftangan dalam kalangan masyarakat masa kini?
- ii) Adakah masyarakat mengenali teknik pembuatan batik menggunakan teknologi cetakan sutera saring (silk screen) selain teknik canting dan teknik batik blok?
- iii) Adakah penggunaan teknologi terkini dalam penghasilan produk kraftangan diterima jika digabungkan dengan elemen batik?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah penting kerana melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenalpasti hubungan antara inovasi produk kraftangan dengan menggunakan teknologi yang digunakan. Hal ini kerana, produk kraftangan merupakan salah satu produk yang bernilai yang boleh menjana pendapatan orang ramai serta dapat mengubah teknik pembuatan produk kraftangan dengan menggunakan teknologi yang terkini mengikut peredaran zaman kini.

Selain itu, kepentingan lain kajian ini ialah untuk menjadikan kajian ini sebagai satu bahan rujukan dan pengetahuan kepada para pelajar, mahasiswa, dan masyarakat mengenai inovasi produk kraf tangan dengan menggunakan teknologi yang terkini. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini merupakan satu kajian umum dan menyeluruh terhadap penginovasian produk kraftangan dengan teknologi yang digunakan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini lebih mengfokuskan kepada bagaimana cara untuk menginovasikan produk kraftangan dengan teknologi yang digunakan mengikut kesesuaian zaman dan cita rasa masyarakat masa kini. Contohnya, aksesori yang digunakan seperti handbag, tali pinggan, rantai dan kasut dengan menggunakan elemen batik. Dengan menggunakan produk kraftangan yang digabungkan dengan corak batik, aksesori itu akan kelihatan lebih menarik dan eksklusif.

Di samping itu, di dalam kajian ini pengkaji dapat mengkaji penggunaan teknologi dalam pembuatan produk kraftangan mengikut peredaran masa. Contohnya, perkembangan teknologi yang dapat dilihat ialah penggunaan canting atau lukis tangan untuk membuat batik pada ketika dahulu tetapi sekarang batik dapat dihasilkan melalui cetakan (silk screen) dengan menggunakan komputer. Jumlah yang dihasilkan dengan menggunakan teknologi masa kini lebih banyak berbanding dahulu yang hanya menggunakan teknik lukis tangan atau canting.

Kesimpulan, kepentingan kajian yang dijalankan ini sangat sesuai kerana mengikut kesesuaian perubahan teknologi dalam penghasilan produk kraftangan. Kajian ini juga penting kerana dapat memperkembangkan industri kraftangan serta industri seni kreatif pada masa kini. Kajian yang dilakukan ini juga dapat di bukukan untuk di jadikan sebagai rujukan kepada jenerasi baru yang akan datang tentang kelebihan inovasi produk kraftangan menggunakan teknologi terkini.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

1.6 SKOP KAJIAN

Skop bagi kajian ini adalah:

- i. Kajian ini memfokuskan kepada kelebihan inovasi produk kraftangan terpilih berdasarkan teknologi yang digunakan. Kekurangan permintaan produk kraftangan dalam masyarakat akan menyebabkan nilai dan khazanah barangan terdahulu akan hilang begitu sahaja. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji bagaimana langkah-langkah untuk menarik minat generasi muda masa kini untuk mengekalkan mereka supaya menggunakan produk kraftangan.
- ii. Sasaran pengguna adalah terdiri daripada generasi muda di Malaysia
- iii. Kategori sasaran pengguna bagi kajian adalah lebih difokuskan kepada generasi muda di Malaysia yang berumur dalam lingkungan 20 tahun hingga 35 tahun.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

1.7 SUMBANGAN KAJIAN

Sumbangan kajian ini adalah:

- i) Kajian ini mampu untuk meningkatkan penggunaan produk kraftangan dalam masyarakat zaman kini.
- ii) Kajian ini boleh mencipta dan menginovasikan produk kraftangan dengan penggunaan teknologi yang terkini.
- iii) Kajian ini akan menarik minat masyarakat dalam penggunaan produk kraftangan.
- iv) Kajian ini juga akan memperkenalkan kepada masyarakat teknologi yang digunakan dalam penghasilan produk batik untuk produk kraftangan.

1.8 BATASAN KAJIAN

Dalam penyelidikan kajian ini, masa adalah satu faktor yang amat penting dalam menyelesaikan segala persoalan yang dikaji. Setiap masa yang terluang perlulah digunakan dengan sebaik mungkin agar segala persoalan dalam kajian ini dapat dikaji dengan tepat dan relevan. Proses dalam menyiapkan kajian ini adalah sangat terhad. Oleh itu, setiap peluang dan masa yang ada harus digunakan sebaiknya supaya kajian ini dapat dikaji dengan sempurna.

Selain itu, dalam penyelidikan kajian ini, pengkaji juga terbatas dari segi pergerakan untuk mengedarkan borang kaji selidik kepada masyarakat secara bersemuka akibat penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Oleh itu, pengkaji tidak dapat mengedarkan borang kaji selidik dan tidak dapat menemu ramah masyarakat mengenai kajian yang pengkaji jalankan.

Akhir sekali, pengkaji juga terbatas dari segi sumber kewangan dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini. Faktor kewangan ini juga salah satu aspek utama bagi pengkaji. Perbelanjaan yang melibatkan harga pembelian yang agak tinggi untuk segala peralatan dan keperluan dalam menyiapkan kajian ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 KRAFTANGAN

Kajian literatur adalah kajian lepas yang pernah dijalankan dan berkaitan dengan kajian yang dijalankan sekarang. Seni kraf melambangkan satu kebudayaan atau identity sesebuah masyarakat, ia juga merupakan warisan bangsa, pusaka peninggalan nenek moyang sejak dahulu kala. Jelaslah bahawa seni kraf dihasilkan oleh manusia yang bertamadun dan ia juga berkembang mengikut peredaran masa dan zaman. Hasil ciptaan kraf tradisional adalah kaya dengan unsur-unsur budaya dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Seni kraf merupakan satu kerja tangan yang sangat halus dan indah. Ia terzhahir daripada bentuk, gaya, sifat, garisan, gerak dan warnanya yang menarik. Kebiasaannya, barang-barang kraf digunakan untuk kegunaan harian dan upacara adat resam atau upacara keagamaan pada suatu ketika dahulu sehinggalah sekarang. Warisan seni kraf yang masih lagi terpelihara sehingga kini seperti batik, tenunan, ukiran, anyaman, tekat, tembikar, wau, gasing dan perhiasan diri.

Kraftangan berertinya apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional

dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa barang, walau bagaimanapun dihasilkan, yang mempunyai rekabentuk batik pada atau di mana-mana bahagiannya. sumber: Akta 222-Akta perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979

“Menurut Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dibawah Akta 222 yang dikeluarkan pada tahun 1979 mendefinisikan sebagai keluaran kraftangan ialah merupakan sesuatu penghasilan produk artistic yang mempunyai unsur tradisional dan kebudayaan masyarakat di Malaysia berdasarkan kemahiran tangan dan juga kreativiti itu sendiri.” (Nik Azma Binti Nik Day, 2015).

Seterusnya, “menurut Regis (1994) di dalam bukunya *The Craft of Malaysia* menerangkan mengenai perubahan sektor kraftangan di Malaysia. Sepertimana yang diterangkan oleh Regis, permintaan terhadap sesuatu produk kraftangan juga berubah dengan ketara. Hal ini kerana, pengguna atau masyarakat mungkin telah mengantikan produk tradisional ini dengan sesuatu yang baru. Penghasilan produk kraf tradisional adalah sangat penting dan menjadi sebahagian daripada warisan negara, malah produk tradisional ini mempunyai nilai kepada ekonomi negara dan juga merupakan sumber rujukan sesuatu budaya. Selain itu, penghasilan kraf dalam masyarakat tradisional juga mempunyai kaitan dengan aktiviti pertanian mahupun sara hidup yang lain dan

kraf yang berkualiti bukan hanya dihasilkan untuk dipamerkan di muzium semata-mata.” (Nik Azma Binti Nik Day, 2015).

“Pendapat dan pemerhatian daripada pengkaji ini tentang penghasilan kraf menunjukkan bahawa, kraf yang dihasilkan dengan hanya menggunakan kemahiran tangan bukan sahaja menunjukkan daya kreativiti seseorang individu malah produk tersebut juga mempunyai nilai, fungsi dan berguna kepada masyarakat dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, masyarakat pada zaman dahulu tidak mempunyai peralatan yang canggih atau berteknologi untuk menghasilkan sesuatu produk kraf, dan disebabkan oleh kekangan sedemikian mereka hanya mampu menghasilkan kraf tersebut secara tradisional.” (Nik Azma Binti Nik Day, 2015).

Selain itu, menurut Bruce (1993) dalam bukunya “*Replacing The Myth Of Modernism*” menyatakan bahawa kraf ditakrifkan berdasarkan empat identity serentak. Yang pertama ialah produk kraf perlulah dihasilkan dengan menggunakan tangan. Perkara ini jelas menunjukkan, penghasilan kraf menggunakan tangan adalah asas utama berdasarkan rujukan dan juga pemerhatian dalam bidang ini. Kraf juga merupakan sesuatu medium yang spesifik dan selalu di kenal pasti berdasarkan bahan dan juga ciptaan teknologi dalam menghasilkannya. (Nik Azma Binti Nik Day, 2015).

Seni kraf mempunyai hubungan dengan adat resam atau nilai sosial. Justeru itu, ia berkait rapat dan ini telah menjadikan hak dan nilai kepunyaan

disebabkan penerimaan sesebuah kraftangan dalam sesebuah sistem. Selain daripada itu, ia juga merupakan simbolik atau identiti yang tersendiri seperti simbol kerjasama dan rukun tetangga sesama masyarakat pada suatu ketika dahulu.

Nilai-nilai kesenian dan kebudayaan yang terdapat pada sesebuah bangsa menunjukkan suatu titik permulaan dimana tingginya nilai budaya itu berkembang ke tahap yang lebih tinggi. Kebudayaan yang terpancar melalui seni kraftangan inilah yang mengukirkan keberadaan sesebuah bangsa yang bertamadun. Pengukuran kebudayaan dapat dinilai melalui gagasan pemikiran, material budaya dan pengucapan. Seni kraf adalah aspek material budaya yang cukup signifikan bagi mengangkat nilai-nilai keluhuran sesebuah bangsa. Teknologi dan kreativiti yang terdapat pada senireka kraftangan adalah suatu ukuran untuk menentukan tahap generasi muda terhadap warisan kesenian yang menjadi lambing kebanggaan dan identity sesebuah kaum.

2.1 TEKNOLOGI

Teknologi merangkumi satu perspektif yang luas. Sekiranya kita mahu menjelaskan maksud sebenar teknologi, ia dapat diterangkan melalui makna-makna berikut antaranya teknologi adalah sinonim untuk dikaitkan dengan aspek-aspek yang berkaitan pembangunan, penggunaan alatan, jentera yang berorientasikan untuk memudahkan urusan manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Dalam konteks ini apa-apa material yang memberi kemudahan kepada manusia ditakrifkan sebagai teknologi. Ianya tidak tetap dan sentiasa berkembang dan berubah seiring dengan kemajuan pemikiran manusia itu sendiri. Oleh itu, semakin bijak seseorang itu maka semakin canggih dan maju teknologi yang dihasilkan.

Pengertian kedua tentang maksud teknologi ialah rekaan sesuatu kemudahan atau infrastruktur yang disandarkan kemajuan dalam bidang sains dan kebolehan seseorang untuk mencipta. Dalam konteks ini kedua-dua unsur ini saling memerlukan untuk menghasilkan sesuatu ciptaan. Menurut Djyohadikusumo, teknologi merupakan gabungan antara sains dan kebolehan dalam mencipta. Sekiranya seseorang itu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang sains kemudahan di tambah dengan keupayaan mencipta maka disitulah akan lahirnya teknologi. Menurut beliau lagi, seseorang yang mempunyai salah satu daripada kemahiran ini pun sudah memadai kerana individu itu berkecenderungan untuk mencari

dan membentuk satu kerjasama dengan pihak yang lain untuk menghasilkan sesuatu teknologi.

Naim Hj. Ahmad (1990) mendefinisikan teknologi pendidikan sebagai satu perkaedahan atau pendekatan yang memadukan secara harmonis, fungsi-fungsi pengurusan (organisasi dan personal), pengembangan (penyelidikan, teori reka bentuk, penerbitan, penilaian, pemilihan, logistik, penggunaan dan penyebaran dan sumber (mesej, manusia, bahan, alat, teknik dan cara penyediaan secara sistematik untuk penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran manusia.

2.2 BATIK

Batik berasal dari perkataan Jawa 'amba' yang bermakna menulis, dan 'nitik' yang bermakna membuat titik (sumber: Wikipedia). Batik yang dipercayai berasal dari Indonesia, adalah satu seni reka corak yang berasaskan lilin sebagai bahan halangan untuk menghasilkan corak (Sumber: Malaysian Standard, MS 692:2007). Bersumberkan kepada Batik Malaysia (Kraftangan) di dalam Malaysian Standard Perkara 3.1 (definisi batik) MS 692:2007 (Jabatan Standard Malaysia), kain batik adalah kain yang diproses dengan melukis, mencetak, mewarna, mencelup fabrik menggunakan bahan halangan fizikal ke atas fabrik seperti lilin, untuk mengelakkan bahagian yang diaplikasikan oleh lilin tersebut daripada diresapi warna dan kemudiannya melupuskan bahan halangan fizikal (lilin) tersebut untuk menampakkan coraknya. Seterusnya, terdapat beberapa jenis batik yang diproses oleh pengusaha-pengusaha batik pada hari ini. Di antaranya adalah Batik Lukis, Batik Terap dan Batik Sutera Saring. Kebiasaannya reka corak dan motif-motif batik diinspirasi dari alam semula jadi seperti flora dan fauna yang kemudiannya digabung dengan corak-corak geometri atau abstrak. (Kraftangan)

. “Menurut Juhari Azmi et al. (2009), Batik merupakan seni kraf tekstil yang dihasilkan melalui penggunaan lilin sebagai bahan pemisah atau penghalang kepada pelbagai warna yang disapu atau dicelup ke atas permukaan fabrik ketika proses membatik dilakukan. Proses membatik merupakan penggunaan dan aplikasi bahan, kepelbagaian peralatan, adaptasi reka corak, inovasi teknik dan ekspresi kreativiti pereka atau pengkarya untuk memberikan nilai tambah bagi menunjukkan keindahan reka corak batik”. (Tuan Nurul Wahida Binti Tuan Azman).

Di Malaysia, batik merupakan seni warisan bangsa yang menjadi kebanggaan negara. Batik mula diperkatakan di Malaysia pada abad ke-17 Kesultanan Melayu. Lagenda bermula apabila Laksamana Hang Nadim menerima titah daripada Sultan Melaka, Sultan Mahmud untuk belayar ke India bagi membeli 140 helai serasah cloth (batik) yang dilakar dengan 40 jenis motif bunga. Namun kerana tidak berjaya menemui batik yang dikehendaki oleh Sultan, beliau menghasilkan kain batiknya sendiri.

MALAYSIA

KELANTAN

Dalam perjalanan pulang, kapal beliau karam dan hanya 4 helai batik berjaya di bawa pulang yang menimbulkan kemarahan Sultan. Di Terengganu, pembuatan batik bermula pada tahun 1913 dengan lukisan menggunakan lilin. Pada zaman penjajahan Jepun, industri batik merudum apabila banyak kilang-kilang terpaksa ditutup. Namun, pada tahun 1957 Malaysia mewujudkan identiti batik kebangsaan dengan menjadikannya pakaian kebangsaan untuk majlis-majlis rasmi. Batik Malaysia kebanyakannya terdiri daripada motif bunga-bunga besar, ringan dan berwarna terang serta ceria

2.3 SEJARAH SUTERA SARING (SILK SCREEN)

2.3.1 PENGENALAN



Rajah 2.3.1: Contoh Cetakan Sutera saring

Cetak saring merupakan teknik cetakan yang menggunakan jaringan beranyam bagi menyokong stensil ketulan dakwat. Stensil dilekatkan membentuk kawasan saringan terbuka yang memindahkan dakwat dan bahan cetakan lain yang boleh ditekan melalui saringan sebagai gambar jelas pada sesuatu substrat. Satu bilah atau berspan disapu merentasi saringan stensil, memaksa atau mengepam dakwat pada bukaan jaringan bagi tindakan kapilari semasa sapuan span. Menurut Wikipedia, ensiklopedia bebas (2017).

Cetak saring juga merupakan kaedah stensil bagi menghasilkan cetakan pada skrin poliester atau saringan halus yang lain, dengan bahagian kosong disalut dengan bahan tidak telus, dan dakwat dipaksa melalui bukaan saringan dengan bilah pengisi atau span pada permukaan dicetaksemasa sapuan berspan. Ia juga dikenali sebagai

saringan sutera, serigrafi, dan cetakan serigraf. Ia juga boleh mencetak lebih dari satu warna, sebagai contoh cetakan berbelang.

Terdapat pelbagai teknik percetakan yang boleh diaplikasi ke atas medium berunsurkan fabrik. Antara teknik percetakan yang ketara dan digunakan secara meluas dalam industri fesyen dan pakaian, termasuklah:

- 1) DTG (direct to garment).
- 2) Heat Transfer
- 3) Screen Print

Screen Print atau *Silkscreen printing* dikenali sebagai teknik Sutera Saring atau Jaring. Kelebihan teknik ini boleh diaplikasikan keatas apa saja jenis permukaan dan media, dan tidak khusus kepada medium fabrik dan baju sahaja. Contoh lain seperti, kertas atau kotak dan buku, gelas, plastik, dan apa sahaja.

Hampir semua syarikat dan kilang percetakan baju khususnya, akan menawarkan teknik *Screen Print* kerana modal pusingan serta kosnya yang minima berbanding teknik-teknik yang lain. Maka secara tidak langsung harga runcit bagi satu projek cetakan bagi pelanggan-pelanggan menjadi murah dan bajet yang mampu bayar. Selain dari cabang perniagaan, teknik ini juga sesuai bagi riadah dan hobi oleh kerana ia mudah dipelajari dan kos rendah sederhana,

malahan sebahagian peralatan boleh diadakan atau diperbaharukan melalui D.I.Y.

Terdapat 2 kaedah utama bagi aplikasi Sutera Saring:

- 1) Kaedah Stencil
- 2) Kaedah Expose

Antara bahan dan peralatan asas yang diperlukan:

- 1) Rekaan dalam bentuk 'hard copy' (film)
- 2) Bingkai (Screen Frame atau Blok)
- 3) Jaring (Mesh)
- 4) Papan rata (Board atau Palette) + Pelekat (adhesive atau gum)
- 5) Penarik Dakwat atau Sekuji (squeegee)
- 6) Dakwat atau lilin sejuk
- 7) Emulsi Foto / Cahaya (tambahan bagi kaedah Expose)
- 8) Kotak Cahaya / Lampu (Expose Unit) (tambahan bagi kaedah Expose)

2.3.2 SEJARAH SUTERA SARING (SILK SCREEN)

Cetakan sutera saring dikatakan sebagai cetakan sarigrafi. Nama ini diberikan dari bahasa latin iaitu “seri” (silk) dan perkataan dari Greek iaitu “graphos” (melukis atau menulis). Pada zaman dahulu, penggunaan sutera (silk) itu adalah sebagai bahan untuk dijadikan cetakan. Namun demikian, setelah zaman berubah dan semakin moden, maka ianya telah digantikan dengan penggunaan bahan sintetik. Penggunaan bahan ini lebih mudah dan mempunyai ketahanan dalam menghasilkan karya.

Cetakan sutera saring yang pertama dijumpa adalah di negara China semasa zaman dinasti Song (960-1279 AD). Manakala negara Jepun dan negara-negara Asia pula telah menggunakan teknik percetakan ini dan memajukan kraf dengan mengaplikasikan cetakan blok dan lukisan tangan (hand applied paint).

Cetakan ini telah diperkenalkan secara meluas di negara barat Eropah dari Asia pada akhir tahun 1700. Walaupun diperkenalkan secara meluas, tetapi cetakan ini tidak mendapat sambutan dan tidak digunakan di Eropah, malah didapati bahawa kebanyakan sutera saring diperdagangkan daripada negara timur.

Cetakan saring yang pertama dilindungi paten dalam England oleh Samuel Simon pada tahun 1907. Ia asalnya digunakan untuk mencetak kertas dinding yang mahal, mencetak di atas linen, sutera, dan juga fabrik-fabrik halus yang lain. Pencetak atau pengkarya cetakan di barat biasanya bersifat menyendiri, suka mempertahankan

diri dan tidak suka menyebarkan rahsia bengkel-bengkel, pengetahuan dan teknik-teknik pembuatan mereka.

Pada awal 1910, pencetak-pencetak telah melakukan percubaan dengan menggunakan bahan foto reaktif kimia dan menggunakan cahaya aktinik untuk mengaktifkan untaian silang atau sifat-sifat kimia yang keras seperti kalium, natrium ammonium Chromate. Selepas itu bahan ini dikromat dengan perekat dan sebatian-sebatian gelatin. Pada masa itu, pengkarya-pengkarya seperti Roy Beck, Charles Peter dan Edward Owens telah mula belajar dan mencuba dengan chromik emulsi dan terpeka garam asid untuk stensil foto reaktif. Akhir, mereka ketiga ini telah berjaya membuktikan, malah merevolusikan perdagangan industri percetakan skrin dengan memperkenalkan foto industri yang menggambarkan stensil. Walaupun penerimaan kaedah ini telah mengambil masa yang lama. Namun, cetakan sutera saring perdagangan kini lebih tumpu kepada sensitiviti yang jauh lebih selamat dan kurang penggunaan bahan kimia seperti toksik yang terhasil akibat bichromates.

Pada tahun 1928, Joseph Ulano telah mengasaskan industri pembekal kimia Ulano. Beliau juga mewujudkan satu cara kaedah penanggalan warna iaitu dengan cara menggunakan bahan stensil lakuer (lacquer soluble stencil). Bahan stensil ini akan memotong bentuk, selepas itu, kawasan-kawasan yang hendak dicetak akan dibuang dan menghasilkan karya stensil skrin yang sharp dan tepat.

Pada asalnya, sektor industri teknologi lebih membawa manfaat dan lebih untung. Tetapi pada akhir tahun 1900s, cetakan sutera saring telah mendapat sambutan dan diangkat oleh seniman-seniman sebagai satu ekspresif. Selepas itu, cetakan ini semakin popular sama ada dalam seni halus atau dalam percetakan secara komersial. Pada masa itu, mereka sudah biasa untuk mencetak imej-imej yang terdapat dalam poster, T-shirt, topi, CDs, DVDs, seramik, kaca, politena, polipropilena, kertas, logam dan kayu.

Pada tahun 1930s, sekumpulan seniman telah menubuhkan National Serigraphic Society dan mencipta perkataan Serigraphy supaya hendak membezakan permohonan artistik seni cetakan saring daripada kegunaan dalam proses industri.

Pencetak dari pusat Bantuan Alam Sekitar Kebangsaan (National Environmental Assistance Center) pernah mengatakan bahawa proses cetakan jenis ini adalah cetakan yang serba guna. Pada asasnya, bahan untuk cetakan jenis ini mudah didapati, ia sering digunakan dalam seting bawah tanah (underground) dan mengsubbudayakan (subculture). Selain itu, cetakan sutera saring juga telah menjadi satu kesenian kebudayaan yang penting yang dapat dilihat menerusi filem poster-poster, sampul album, risalah-risalah, kemeja-kemeja, pengiklanan, dan lain-lain.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Pendahuluan Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang dirangka adalah melibatkan reka bentuk kajian, subjek atau sampel kajian, prosedur kajian, prosedur pengambilan data serta prosedur penganalisan data.

Menurut 'Hornby' (1985), metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk memudahkan menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Oleh itu, metodologi kajian ini akan membincangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, instrument kajian dan prosedur atau proses menganalisis data bagi menjawab segala persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan dari awal. Menurut Ustaz Kenali, metodologi penyelidikan merupakan satu kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang kukuh untuk menyokong sesuatu kajian (merumuskan apa yang dikaji).

Kaedah metodologi juga, merupakan cara atau jalan menyelesaikan permasalahan penyelidikan. 'Kaedah penyelidikan merupakan segala

langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan'(Ahmad Mahdzan Ayob 1995:44). Secara umum kaedah utama penyelidikan untuk mendapatkan data terbahagi kepada dua, iaitu dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif.

Penyelidik boleh memilih salah satu pendekatan ataupun menggabungkan kedua-duanya. Dhubungkan dengan teori-teori sosiologi, teori yang berbentuk makro selalunya akan menggunakan pendekatan kuantitatif sementara yang berbentuk mikro kebiasaannya menggunakan pendekatan kualitatif.

Terdapat perbezaan antara penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Pendekatan kuantitatif mengutamakan 'kuantiti'. Penyelidikan kuantitatif melibatkan angka-angka, data-data numerikal atau statistik. Statistik melibatkan pengiraan-pengiraan seperti min, median, mod, peratusan, sisihan piawai, skor-Z, skor-T, varian, dan sebagainya.

Pendekatan kuantitatif dikatakan lebih berstruktur, mempunyai darjah kekaburan yang minima, makna yang jelas, bercorak linear, mempunyai penjadualan yang jelas, dan menumpukan kepada hasil. Dari segi skop kajian ia boleh melibatkan responden yang besar. Pendekatan kualitatif pula berasaskan 'kualiti'.

Ianya bersifat deskriptif yang lebih kepada penghuraian 'makna' perkara-perkara yang dikaji. Ia tidak mengutamakan data-data berbentuk numerikal. Ia kurang berstruktur, terbuka dan lebih menumpukan kepada proses. Skop kajiannya pula meliputi bilangan responden yang kecil.

3.1 JENIS KAEDAH METODOLOGI

Di dalam metodologi kajian ini, terdapat 3 jenis metodologi yang dapat digunakan. Metodologi itu ialah:

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Kaedah ini cuba mengupas dengan mendalam bentuk data, kekekuatan dan kelemahan metodologi bagi setiap data yang dikumpul, serta proses pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif.

Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986).

Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes, adalah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005).

Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Proses pengumpulan data berdasarkan Cresswell (1998) iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007). Kaedah kuantitatif adalah satu kaedah untuk mengumpul segala maklumat yang diperoleh dengan menggunakan analisis data dan disampaikan dalam bentuk angka, graf dan jadual. Kuantitatif adalah merujuk kepada perkataan 'kuantiti'. Kuantiti itu bermaksud bilangan data yang dapat dikira. Kaedah ini dilakukan dengan mengumpul maklumat menggunakan pengiraan mod, median, min, peratusan dan sebagainya.

Kajian kuantitatif merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistik, ia lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Berdasarkan kepada istilah kuantiti, penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia adalah berdasarkan kaedah penyelidikan inkuiri positivis dimana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika

yang dipungut, dianalisis dengan ujian statistik. Melalui penyelidikan kuantitatif, masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis.

Kajian kuantitatif ini terbahagi terbahagi kepada 2 jenis iaitu kajian intervensi dan kajian non-intervensi. Bagi kajian intervensi, rekabentuk kajian yang sesuai adalah kajian eksperimen, manakala kajian non-intervensi pula rekabentuk kajiannya adalah kajian korelasi dan kajian tinjauan.

Bagi rekabentuk kajian eksperimen (kajian intervensi), ia menerangkan sama ada intervensi mempengaruhi hasil satu kumpulan berbanding kumpulan lain. Manakala, bagi rekabentuk kajian korelasi pula ia meramal perkaitan atau hubungan antara pembolehubah dan bagi rekabentuk kajian tinjauan pula menerangkan trenda bagi satu populasi.

Menurut John W. Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah sejenis penyelidikan Pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop kajian soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada peserta.

3.1.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran ini adalah kaedah yang telah menggabungkan kedua-dua kaedah kajian. Kaedah ini telah digabungkan antara kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah campuran ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan lebih terperinci. Dengan menggunakan kaedah ini juga, pengkaji boleh memperoleh data dan boleh menganalisis data dengan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut.

Kaedah gabungan ini memberi telah memberi beberapa kelebihan seperti dapat membandingkan data kuantitatif dengan kualitatif khususnya untuk memahami perbezaan hasil dapatan kajian. Ia juga dapat memberi gambaran kepada pengkaji untuk memahami pandangan responden dan dapat memastikan hasil dapatan adalah pengalaman responden sendiri.

3.1.4 Kaedah Yang Dipilih

Kaedah yang telah dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian penyelidikan ini ialah kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif ini dipilih kerana kaedah ini amat bersesuaian bagi tajuk yang pengkaji jalankan. Hal ini, adalah kerana, kajian ini memerlukan pandangan dan pendapat daripada golongan masyarakat. Oleh itu, kaedah kuantitatif soal selidik ini akan digunakan bagi memperolehi data dan maklumat daripada responden. Kaedah soal selidik ini juga boleh dilakukan secara atas talian dengan mengedarkan borang soal selidik di media sosial seperti Facebook dan WhatsApp. Dengan kaedah ini responden yang menggunakan media sosial hanya perlu klik pada pautan yang telah diedarkan. Dengan ini, ia dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpul maklumat dan data. Kaedah pengedaran borang melalui talian memudahkan lagi pengkaji mendapat maklumat ketika MCO di Malaysia.

3.2 KAJIAN INSTRUMEN

Instrumen ialah alat untuk mengumpul data yang dikehendaki bagi menjawab kepada persoalan penyelidikan. Maka, pada bahagian instrumen kajian ini adalah merupakan proses menyediakan alat pengumpulan data. Instrumen kajian digunakan sebagai satu alat asas bagi memeperolehi data sepertimana yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang diinginkan. Teknik yang digunakan di dalam instrumen kajian ini ialah soal selidik, temubual, dan pemerhatian.

3.2.1 Soal Selidik

Kaedah soal selidik terbahagi kepada dua iaitu soal selidik bentuk terbuka dan tertutup. Kaedah soal selidik secara tertutup ialah pengkaji perlu menyediakan soalan dengan pilihan jawapan. Seperti jawapan Ya tau Tidak. Responden perlu menjawab soalan yang telah pengkaji sediakan jawapan. Dengan menggunakan kaedah soal selidik tertutup ini, ianya akan memudahkan lagi pengkaji untuk menganalisis jawapan daripada responden.

Selain itu, kaedah soal selidik secara bentuk terbuka pula ialah pengkaji perlu mengedarkan soalan yang membenarkan responden untuk menjawab soalan secara bebas. Sebagai contoh, pengkaji menayakan soalan yang bermula dengan mengapakah, bilakah, bagaimanakah dan lain-lain. Pengkaji perlu membenarkan responden menjawab soalan tersebut secara bebas tanpa membuat pilihan jawapan.

Contoh soalan soal selidik:

No.	Soalan	Ya	Tidak
1.	Adakah anda mengenali batik sutera saring (silk skrin)?		

Jadual 3.2.1: Contoh Soalan Soal Selidik Tertutup

Berdasarkan jadual di atas, responden perlu menjawab soalan tersebut mengikut pilihan jawapan yang diberikan oleh pengkaji. Dengan ini, pengkaji akan lebih mudah untuk mengumpul maklumat yang diperolehi dengan hanya mengira jumlah responden yang menjawab ya atau tidak sahaja.

3.2.2 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temuduga. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berbanding pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti. Peranan penyelidik ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat.

Kaedah pemerhatian juga boleh dilakukan dengan merakam video atau mengambil gambar-gambar untuk tujuan sebagai rujukan maklumat kepada pengkaji. Hasil yang didapati semasa menjalankan kaedah pemerhatian ini sebaiknya dicatat kerana setiap gerak laku dan tindakan responden boleh berubah-ubah mengikut keadaan.

3.2.3 Temubual

Penggunaan kaedah ini untuk mengumpul maklumat kajian tinjauan. Cara pelaksanaannya ialah dengan melakukan temu bual secara lisan dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis atau melalui rakaman. Temubual didefinisi sebagai perbualan dua hala atau 'face to face' yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan intraksi bersemuka antara pengkaji dengan responden.

Menurut Denzin (2001), "temu bual harus digunakan lebih daripada hanya sebagai alat pengumpulan maklumat; temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena".

Menurut Chua Yan Piaw (2014) Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak bersruktur (Chua Yan Piaw, 2014)

Temu bual berstruktur merupakan temu bual yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden.

3.2.4 Ujian

Kaedah ujian ini adalah satu kaedah yang digunakan untuk menentukan pencapaian responden dalam sesuatu perkara yang dikaji. Kaedah ini dapat mengukur sejauh mana seseorang responden itu menguasai sesuatu isu atau sesuatu bidang. Sebagai contoh, pengkaji menguji sejauh mana pengetahuan responden terhadap barangan produk kraftangan dan teknologi.

3.2.5 Kajian Instrumen Dipilih

Kajian instrument yang dipilih oleh pengkaji ialah kaedah soal selidik tertutup. Dalam kajian soal selidik ini, pengkaji akan menetapkan seramai 65 orang responden yang berumur 20 hingga 35 tahun. Pengkaji tidak menghadkan golongan bangsa. Soal selidik ini terbuka kepada semua masyarakat di Malaysia. Kajian soal selidik ini akan mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan maklumat responden. Manakala, bahagian B pula akan mengandungi soalan berkaitan dengan kajian penyelidikan. Dalam soalan bahagian

B, akan ditanya dan diberikan pilihan jawapan dengan 2 pilih iaitu “ya” dan “tidak”. Borang soal selidik ini akan diedarkan dengan menggunakan kaedah atas talian. Pengkaji akan mengedarkan ‘link’ kepada responden secara rawak untuk menjawab segala soalan di dalam borang soal selidik.

Contoh Borang Soal Selidik

BAHAGIAN A: Demografik Responden

1. Jantina:

Lelaki	
Perempuan	

2. Umur:

20 - 24 Tahun	
25 - 29 Tahun	
30 - 34 Tahun	
35 ahun dan keatas	

3. BANGSA:

Melayu	
Cina	
India	
Lain-lain	

4. PEKERJAAN:



Pelajar	
Bekerja	
Tidak Bekerja	

BAHAGIAN B: Produk Kraftangan Dengan Elemen Batik

Tandakan pada bahagian yang berkenaan (YA) atau (TIDAK)

YA	TIDAK

Bil.	Soalan	Ya	Tidak
1.	Adakah anda mengenali batik sutera saring (silk skrin)?		
2.	Adakah anda berminat untuk membeli produk kraftangan yang digabungkan dengan elemen batik sutera saring (silk skrin)?		
3.	Adakah produk kraftangan dengan gabungan elemen batik (silk skrin) ketinggalan zaman dan sudah tidak digunakan?		
4.	Adakah anda merasakan produk kraftangan dengan element gabungan batik (silk skrin) berharga mahal?		
5.	Adakah produk kraftangan dengan gabungan elemen batik (silk skrin) ini dapat diterima oleh orang ramai bukan sahaja di negara Malaysia tetapi di negara luar juga?		

Bil.	Soalan	batik canting tangan	Batik sutera saring
6.	<p>Antara batik canting tangan dan batik sutera saring (silk skrin) yang mana lebih diminati?</p>  		

3.3 DATA ANALISIS

Analisis data ialah proses dimana pengkaji akan mengumpulkan segala maklumat yang diperolehi dalam bentuk data sama ada graf, jadual atau carta. Kaedah menganalisis data ini juga, dapat dilakukan secara memasukkan data ke dalam software komputer dan pengkaji akan memperolehi data yang diinginkan dalam bentuk carta atau graf. Selain itu, cara untuk menganalisis data juga boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik. Kaedah statistik ini boleh digunakan dengan memasukkan data ke dalam perisian statistik. Sebagai contoh STATA atau SPSS. Data yang akan diperolehi boleh dihasilkan dalam bentuk jadual, graf, gambar rajah atau lain-lain.

Kaedah menganalisis data yang dipilih oleh pengkaji adalah kaedah kemasukan data. Teknik kemasukan data ini boleh dilakukan secara manual atau dengan menggunakan komputer. Data yang diperolehi hasil daripada edaran borang soal selidik dalam bentuk google form kepada responden akan dianalisis dalam bentuk carta pai, pengiraan dalam bentuk peratus akan lebih memudahkan pengkaji menganalisis data responden.

3.4 TARGET KAJIAN

Target responden kajian ini ialah masyarakat di Malaysia yang berumur dalam lingkungan 20 tahun sehingga 35 tahun. Hal ini adalah kerana, kebanyakan masyarakat yang berada dalam lingkungan umur tersebut sudah terdedah dengan barangan produk kraftangan di Malaysia. Golongan umur berikut juga, sudah mengenali produk-produk dan barangan kraftangan.

Oleh itu, golongan masyarakat di Malaysia sangat berpengaruh bagi menjawab persoalan dan objektif kajian ini. Pengkaji telah memilih pelbagai golongan masyarakat di Malaysia, tidak kira Melayu, Cina dan India. Hal ini kerana, kajian ini tidak memfokuskan kepada masyarakat melayu sahaja. Akan tetapi pengkaji memfokuskan pada generasi muda.

Seterusnya, kajian ini akan dijalankan di kawasan bandar bagi memudahkan pengkaji mempolehi responden yang ramai. Golongan masyarakat muda di kawasan bandar, kurang terdedah dengan barangan dan produk kraftangan berbanding golongan muda di kawasan kampung. Pada umumnya, produk kraftangan ini bermula di kawasan kampung kerana di kampung terdapat banyak tempat pembuatan kraftangan dan bahan mentah untuk pembuatan kraftangan juga datang daripada kawasan kampung.

MALAYSIA

KELANTAN

3.5 KESIMPULAN

Natijahnya, kajian metodologi jelas amat penting sebelum menjalankan atau melaksanakan sesuatu kajian penyelidikan. Hal ini kerana kualiti sesuatu kajian itu bergantung kepada ketetapan dan kesesuaian penggunaan kaedah dalam mengkaji objektif serta persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Maka di dalam bab ini, pengkaji membincangkan kaedah kajian yang digunakan di mana merangkumi instrumen kajian, analisis data dan akhir sekali sasaran kajian dalam pengumpulan data. Seterusnya, kaedah kajian ini dapat di analisis secara sistematik bagi menjawab kepada objektif dan persoalan kajian daripada pengkaji. Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif statistik deskriptif di mana penyelidikan dijalankan menggunakan soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumat secara terperinci dan bersistematik yang berkaitan dengan penyelidikan.

BAB 4

MENGANALISIS DATA

4.0 PENGENALAN

Dalam bab menganalisis data ini, pengkaji akan menghuraikan keputusan responden yang telah diperolehi hasil daripada kajian soal selidik. Borang soal selidik ini menggunakan kaedah google form yang telah diedarkan melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook. Kajian soal selidik ini telah di respond oleh 65 orang responden. Kaedah google form ini digunakan kerana masalah pandemik Covid-19 yang membataskan pengkaji untuk mengedar borang soal selidik secara bersemuka. Dengan kaedah ini, kesemua keputusan yang diperolehi telah direkodkan dalam bentuk carta pai. Hasil yang telah diperolehi daripada kajian soal selidik ini adalah untuk menjawab segala persoalan kajian mengenai Kelebihan Inovasi Produk Kraftanga Terpilih Berdasarkan Teknologi Yang Digunakan. Soalan soal selidilk ini telah dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian A mengenai maklumat responden. Bahagian B mengenai daripada soalan yang berkaitan dengan Kelebihan Inovasi Produk Kraftangan Terpilih Berdasarkan Teknologi Yang Digunakan.

4.1 ANALISIS MAKLUMAT RESPONDEN

BAHAGIAN A

JANTINA	PERATUSAN RESPONDEN (%)
LELAKI	21.5
PEREMPUAN	78.5

PERINGKAT UMUR	PERATUSAN RESPONDEN (%)
20-24 TAHUN	63.1
25-29 TAHUN	21.5
30-34 TAHUN	4.6
35 TAHUN DAN KE ATAS	10.7

BANGSA	PERATUSAN RESPONDEN (%)
MELAYU	89.2
CINA	4.6
INDIA	3.1
LAIN-LAIN	3.1

PEKERJAAN	PERATUSAN RESPONDEN (%)
PELAJAR	56.9
BEKERJA	23.1
TIDAK BEKERJA	20

BAHAGIAN B


SOALAN	JUMLAH PERATUS % RESPONDEN (YA)	JUMLAH PERATUS % RESPONDEN (TIDAK)
1. ADAKAH ANDA MENGENALI BATIK SUTERA SARING (SILK SKRIN)?	70.8	29.2
2. ANTARA BATIK CANTING TANGAN DAN BATIK SUTERA SARING (SILK SKRIN) YANG MANA LEBIH DIMINATI?	72.3	27.7
3. ADAKAH ANDA BERMINAT UNTUK MEMBELI PRODUK KRAFTANGAN YANG DIGABUNGGAN DENGAN ELEMEN BATIK SARING (SILK SKRIN)?	89.2	10.8
4. ADAKAH PRODUK KRAFTANGAN DENGAN		

GABUNGAN ELEMEN BATIK (SILK SKRIN) KETINGGALAN ZAMAN DAN SUDAH TIDAK DIGUNAKAN?	21.5	78.5
5. ADAKAH ANDA MERASAKAN PRODUK KRAFTANGAN DENGAN ELEMEN GABUNGAN BATIK (SILK SKRIN) BERHARGA MAHAL?	67.7	32.3
6. ADAKAH PRODUK KRAFTANGAN DENGAN GABUNGAN ELEMEN BATIK (SILK SKRIN) INI DAPAT DITERIMA OLEH ORANG RAMAI BUKAN SAHAJA DI NEGARA MALAYSIA TETAPI DI NEGARA LUAR JUGA?	95.4	4.6

JADUAL 4.1: Maklumat Responden

BAHAGIAN A


4.1.1 Jantina



Gambar Rajah 4.1.1: Carta Peratusan Jantina Responden

Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut jantina seramai 65 orang responden iaitu 14 orang lelaki (21.5%) dan 51 orang perempuan (78.5%).


4.1.2 Umur



Gambar Rajah 4.1.2: Carta Peratusan Umur Responden

Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut umur seramai 65 orang responden iaitu 20-24 tahun seramai 41 orang (63.1%), 25-29 tahun seramai 14 orang (21.5%), 30-34 tahun seramai 3 orang (4.6%) dan 35 tahun dan ke atas seramai 7 orang (10.7%).

4.1.3 Bangsa




Gambar Rajah 4.1.3: Carta Peratusan Bangsa Responden

Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut bangsa seramai 65 orang responden iaitu melayu 58 orang (89.2%), cina 3 orang (4.6%), india 2 orang (3.1%) dan lain-lain 2 orang (3.1%).

MALAYSIA

KELANTAN

4.1.4 Pekerjaan



Gambar Rajah 4.1.4: Carta Peratusan Pekerjaan Responden

Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut pekerjaan seramai 65 orang responden iaitu pelajar 37 orang (56.9%), bekerja 15 orang (23.1%) dan tidak bekerja 13 orang (20%).

4.2 ANALISIS PRODUK KRAFTANGAN TERPILIH BERDASARKAN TEKNOLOGI YANG DIGUNAKAN

Soalan yang terdapat pada bahagian ini adalah terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan Kelebihan Inovasi Produk Kraftangan Terpilih Berdasarkan Teknologi Yang Digunakan. Responden perlu memilih jawapan Ya atau Tidak.


BAHAGIAN B

4.2.1: Adakah anda mengenali batik sutera saring (silk skrin)?




Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut soalan adakah anda mengenali batik sutera saring (silk skrin)? seramai 65 orang responden iaitu jawapan untuk Ya 46 orang (70.8%) dan Tidak 19 orang (29.2%).

4.2.2: Antara batik canting tangan dan batik sutera saring (silk skrin) yang mana lebih diminati?




Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut soalan antara batik canting tangan dan batik sutera saring (silk skrin) yang mana lebih diminati? seramai 65 orang responden telah memilih batik canting tangan 47 orang (72.3%) dan batik sutera saring (silk skrin) 18 orang (27.7%).

4.2.3: Adakah anda berminat untuk membeli produk kraftangan yang digabungkan dengan elemen batik saring (silk skrin)?




Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut soalan adakah anda berminat untuk membeli produk kraftangan yang digabungkan dengan elemen batik saring (silk skrin)? seramai 65 orang iaitu jawapan untuk Ya 58 orang (89.2%) dan Tidak 7 orang (10.8%).

4.2.4: Adakah produk kraftangan dengan gabungan elemen batik (silk skrin) ketinggalan zaman dan sudah tidak digunakan?




Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut soalan adakah produk kraftangan dengan gabungan elemen batik (silk skrin) ketinggalan zaman dan sudah tidak digunakan? seramai 65 orang responden iaitu jawapan untuk Ya 14 orang (21.5%) dan Tidak 51 orang (78.5%).

4.2.5: Adakah anda merasakan produk kraftangan dengan elemen gabungan batik (silk skrin) berharga mahal?



Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut soalan adakah anda merasakan produk kraftangan dengan elemen gabungan batik (silk skrin) berharga mahal? seramai 65 orang responden iaitu jawapan untuk Ya 44 orang (67.7%) dan Tidak 21 orang (32.3%).

4.2.6: Adakah produk kraftangan dengan gabungan elemen batik (silk skrin) ini dapat diterima oleh orang ramai bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara luar juga?



Carta pai ini menunjukkan peratusan responden yang menjawab kaji selidik mengikut soalan adakah produk kraftangan dengan gabungan elemen batik (silk skrin) ini dapat diterima oleh orang ramai bukan sahaja di negara malaysia tetapi di negara luar juga? seramai 65 orang responden iaitu jawapan untuk Ya 62 orang (95.4%) dan Tidak 3 orang (4.6%).

4.3 PROSES REKAAN PRODUK DAN PENGHASILAN PRODUK

4.3.1 IDEA/KONSEP

Idea bermaksud buah fikiran yang tercetus hasil rangsangan seperti pemerhatian, pengalaman, perkembangan semasa dunia seni dan perbincangan. Definisi konsep pula ialah idea yang terbentuk hasil daripada gabungan pelbagai nilai yang dihayati daripada alam sekeliling dalam penghasilan seni. (Siti Rosni Bt Nik Mohd Zaid, 2019). Konsep rekaan bagi kajian ini adalah penggunaan teknologi terkini dalam penghasilan batik untuk menghasilkan produk kraftangan. Rekaan produk kraftangan yang dihasilkan ini adalah khas untuk bayi dan juga kank-kanak. Kajian ini dikaji kerana penggunaan produk kraftangan semakin kurang mendapat sambutan oleh masyarakat.




Rajah 4.3.1.1 dan Rajah 4.3.1.2: Buah Ackee dan daun ivy

Idea dan konsep pengkaji diambil dengan kajian yang dibuat terhadap *subject matter* atau subjek kajian daripada buah Ackee dan daun Ivy. Nama saintik buah ini adalah *Blighia Sapida*. Buah ini amat jarang dikenali ramai kerana buah ini berasal daripada Afrika Barat. Buah ini diolah menjadi motif dan digabungkan dengan olahan dari daun Ivy.


4.3.2 REKA BENTUK LAKARAN MOTIF

Reka bentuk lakaran motif adalah berdasarkan subjek kajian atau subject matter daripada buah ackee dan daun Ivy yang diolah daripada outline buah dan daun digabungkan bersama. Dengan gabungan dua subjek kajian ini, pengkaji juga mengabungkan element geometri di dalam lakaran motif. Produk yang akan dihasilkan adalah produk kraftangan untuk kegunaan bayi dan kanak-kanak. Penghasilan produk ini juga turut mementingkan penggunaan fabrik atau kain yang sesuai dan selesa untuk kanak-kanak. Kain yang dipilih adalah kain cotton, ini kerana kain ini amat sesuai diguna pakai untuk kanak-kanak di Malaysia yang berada di garisan khatulistiwa.



Rajah 4.3.2.1 dan Rajah 4.3.2.2 : Motif buah Ackee dan Motif daun Ivy

Rajah di atas adalah olahan yang diambil daripada *outline* buah dan daun untuk dijadikan sebagai motif pada kain. Pengkaji menghasilkan dua saiz yang berbeza pada motif, hal ini untuk menampakkan keseimbangan pada kain yang akan dihasilkan.



Rajah 4.3.2.3 : Rekaan corak akhir

Rajah ini adalah hasil rekabentuk motif yang telah siap digabungkan dengan elemen geometri. Rajah ini adalah rekaan akhir yang dipilih oleh pengkaji untuk dihasilkan pada kain.

4.3.3 PROSES PENCETAKKAN MOTIF PADA KAIN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI SILK SCREEN



Rajah 4.3.3.1 dan Rajah 4.3.3.2 : Proses mengukur dan memotong kain putih

Rajah di atas adalah proses mengukur dan memotong kain cotton putih. Sebelum proses pencetakkan silk screen dijalankan, kain yang hendak dicetak perlu diukur dan dipotong mengikut meter. Pengkaji menggunakan kain sebanyak 7 meter untuk menghasilkan produk kraftangan. Pengkaji memotong kain sebanyak 5 helai. 2 helai pengkaji memotong untuk ukuran 2 meter per helai. Manakala 3 meter lagi pengkaji mengukur untuk saiz 1 meter per helai.



Rajah 4.3.3.3: Proses mengukur frame silk skrin

Setelah proses mengukur dan memotong kain selesai, proses mengukur frame silk skrin pula dilakukan. Pengkaji perlu mengenalpasti saiz frame yang ingin digunakan untuk memasang kain mesh. Frame silk skrin ini diperbuat daripada besi. Ukuran frame yang dipilih oleh pengkaji bersaiz 30 inchi lebar dan 45 inchi panjang.



Rajah 4.3.3.4 dan Rajah 4.3.3.5 : Kain mesh dan meja pemasangan kain mesh

Rajah 4.3.3.4 dan rajah 4.3.3.5 itu adalah contoh kain mesh yang akan dipasang pada frame silk screen. Kain mesh ini adalah kain sutera yang sangat halus, ia terdiri dari beberapa gred kehalusan. Kebiasaannya ia dijual dalam lingkungan harga RM 20.00- RM30.00 semeter. Kain mesh akan dipasang dan dilekatkan pada permukaan frame menggunakan gam. Pemasangan kain mesh ini agak rumit dan memerlukan mesin yang khas untuk menarik dan meregangkan kain mesh itu. Proses pemasangan kain mesh ini mengambil masa selama sehari kerana perlu memastikan gam pada kain mesh itu betul-betul kering dan melekat.



Rajah 4.3.3.6 : Frame silk skrin yang telah dipasang kain mesh

Rajah di atas menunjukkan frame yang telah siap dipasang kain mesh. Frame ini telah selesai dan boleh digunakan untuk proses seterusnya, iaitu proses *coating*.



Rajah 4.3.3.7 dan Rajah 4.3.3.8: Proses melukis motif pada kertas filem

Selepas proses pemasangan kain mesh selesai, pengkaji melukis motif yang telah dipilih ke atas kertas filem. Kertas filem ini perlu mengikut ukuran saiz frame yang telah siap. Motif pada kertas filem ini perlu dilukis sepenuhnya di atas kertas filem dengan ukuran yang telah dipilih. Untuk melukis motif pada kertas filem ini,

pen teknikal yang khas telah digunakan. Tidak boleh menggunakan maker pen yang biasa untuk melukis pada kertas filem ini.



Rajah 4.3.3.9: Ubat coating

Proses penyediaan coating. Pengkaji menyediakan 3 bahan asas untuk proses coating ini. Antara 3 bahan tersebut ialah *Photo Emulsion*, *Sensitizer* dan *Hardener*. Fungsi *Photo Emulsion* adalah merakam imej seperti filem manakala *Sensitizer* berfungsi sebagai pelengkap kepada *Photo Emulsion*. *Hardener* berfungsi untuk imej bertahan lama dan menutup mana-mana kain mesh yang tidak atau kurang terkena *Photo Emulsion*. Penggunaan *Hardener* ini adalah pilihan. Campuran yang telah dibuat hendaklah dikacau sehingga rata dan sebati sebelum disapukan pada frame yang telah siap dipasang kain mesh. Setelah campuran coating ini selesai, campuran coating ini perlu disapukan ke atas frame. Proses menyapu coating ini perlu disapu bahagian dan belakang frame. Sapuan ini perlu diratakan ke semua frame dengan menggunakan sekuji. Untuk proses coating ini, sapuan ke atas frame perlu dilakukan di dalam bilik yang gelap hanya berlampukan lampu yang malap seperti lampu berwarna merah. Hal ini kerana coating itu sangat sensitif kepada cahaya. Selepas proses menyapu

Photo Emulsion ini selesai, frame perlu dikeringkan dan diletakkan di bawah kipas. Proses ini mengambil masa yang agak lama kerana sapuan coating itu perlulah kering sebaik mungkin sebelum proses expose dimulakan.




Rajah 4.3.3.10 dan Rajah 4.3.3.11 : Meja expose silk skrin

Expose ialah proses penghasilan motif/*design* pada frame menggunakan bantuan cahaya. Rajah di atas menunjukkan meja expose, ia diperlukan untuk proses pemindahan image pada frame cetak. Sebelum proses expose dimulakan, meja expose ini perlu diperiksa dengan teliti. Pemeriksaan lampu perlu dilakukan sebelum memulakan proses expose. Meja expose ini juga perlu dipastikan kebersihannya daripada sebarang kekotoran. Jika ada kekotoran pada meja expose ini akan menjejaskan imej yang akan dihasilkan pada frame.




Rajah 4.3.3.12 : Proses meletakkan kertas filem

Setelah selesai pemeriksaan meja expose, kertas filem perlu diletakkan ke atas meja expose terlebih dahulu sebelum proses expose di lakukan. Pengkaji perlu memastikan kertas filem itu diletakkan ditengah-tengah meja expose.



Rajah 4.3.3.13, Rajah 4.3.3.14 dan Rajah 4.3.3.15: Proses sebelum expose

Setelah kertas filem diletakkan di atas meja expose, frame perlu diletakkan di atas kertas filem. Frame dan meja expose pula perlu ditutup dengan sehelai kain. Setelah kain melitupi frame dan meja expose kaca dan batri kereta sebagai pemberat perlu diletakkan di atas frame dan kertas filem. Tujuan meletakkan pemberat ini adalah untuk merapatkan frame pada permukaan cermin meja expose.



Rajah 4.3.3.16 dan Rajah 4.3.3.17 : Proses expose

Setelah selesai diletakkan pemberat, lampu dibawah meja expose boleh dibuka untuk proses expose. Lampu untuk expose perlu dibuka 5 – 10 minit sahaja (bergantung pada watt lampu) untuk imej motif keluar dari kertas filem itu ke frame yang di coating. Lampu tidak boleh dibuka terlalu lama kerana akan menjejaskan ubat coating.



Rajah 4.3.3.18 : Rendaman frame silk skrin

Selepas proses expose selesai, frame yang telah selesai diexpose perlu direndamkan segera ke dalam air. Frame perlu direndam selama 3-5 minit sahaja. Tujuan merendam frame ini untuk memudahkan proses membuang photo emulsion pada frame yang telah terbentuk imej motif.



Rajah 4.3.3.19 dan 4.3.3.20: Proses menanggalkan photo emulsion

Langkah seterusnya, mengangkat frame yang direndam dan menyiramkan air paip ke atas frame. Proses ini memerlukan sedikit semburan air untuk menanggalkan bahagian photo emulsion yang telah berbentuk selepas diexpose. Photo

emulsion yang terdapat di bahagian hitam akan tanggal selepas proses mencuci kain mesh.



Rajah 4.3.3.21: Penjemuran frame silk skrin

Setelah selesai mencuci photo emulsion pada frame, biarkan frame itu kering sebelum membuat cetakan. Frame ini perlu dipastikan betul-betul kering. Frame ini perlu dijemur sekurang-kurangnya sehari.



Rajah 4.3.3.22: Lilin yang dibancuh

Sebelum proses cetakan dilakukan. Pengkaji menyediakan lilin untuk proses mengokok ke atas frame. Pengkaji telah memilih lilin berwarna putih untuk dicetak ke atas permukaan kain. Lilin untuk dikokok ke atas kain boleh diubah menjadi pelbagai warna, akan tetapi lilin dengan warna emas dan hitam amat popular digunakan dalam penghasilan batik silk screen ini.



Rajah 4.3.3.23: Proses pembentangan kain

Pada permulaan untuk mencetak kain, pengkaji perlu menghampar kain pada meja skrin. Kain perlu dibentangkan dengan betul dan tegang. Kain perlu dilekatkan di hujung meja yang telah disapu gam supaya kain melekat dengan baik di atas meja.

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.3.3.24 dan 4.3.3.25: Proses mengokok kain

Proses seterusnya ialah proses mengokok lilin ke atas kain menggunakan frame yang telah siap. Proses ini hanya menggunakan lilin sejuk untuk dikokok atas permukaan kain untuk menghasilkan imej motif. Proses mengokok lilin ini diulang sebanyak 6 kali. Proses ini harus dilakukan oleh dua orang kerana proses ini perlu menolak dan menarik lilin menggunakan sekuji.



Rajah 4.3.3.26 dan Rajah 4.3.3.27: Kain yang telah selesai dikokok

Setelah selesai kain dikokok lilin, setiap helaian yang telah selesai perlu diperhatikan lilin supaya tidak ada lilin yang rosak pada kain. Hal ini penting untuk menjaga kualiti kain yang akan pengkaji hasilkan produk.



Rajah 4.3.3.28 dan Rajah 4.3.3.29: Kain dijemur

Kain yang telah siap perlu dijemur segera secara terbentang untuk mengeringkan lilin. Ini kerana, lilin yang selesai dikokok perlu betul-betul kering dan lilin tidak akan melekat pada benda lain. Kain yang telah siap diproses ini perlu dijemur selama sehari sebelum proses mewarna dijalankan.



Rajah 4.3.3.30: Pembancuhan warna sintetik (Remazol)

Sebelum proses mewarna dijalankan, warna yang hendak pengkaji gunakan pada kain perlu dibancuh terlebih dahulu. Bancuhan warna mengikut sukatan ini amat penting untuk mengelakkan daripada pembaziran warna. Warna sintetik (Remazol) telah dipilih oleh pengkaji untuk menghasilkan produk kraftangan.



Rajah 4.3.3.31: Pewarnaan pada motif

Pada permulaan untuk mewarna pada kain, pengkaji terlebih dahulu mewarnakan motif pada kain yang telah dicetak. Pewarnaan pada motif ini terlebih dahulu dikaji dan telah diambil daripada warna *subject matter* yang dikaji. Pengkaji memilih *family colour* yang sesuai untuk diwarna dan digabungkan dalam sehelai kain.



Rajah 4.3.3.32: Mewarna latarbelakang kain

Rajah di atas menunjukkan pengkaji sedang mewarna latar belakang kain selepas selesai mewarna motif pada kain. Pengkaji perlu mewarna latar belakang dengan teliti supaya warna latar (background) tidak memasuki pada warna motif.



Rajah 4.3.3.33: Mewarna latarbelakang kain

Rajah di atas menunjukkan pengkaji sedang mewarna latar (background) kain dengan menggunakan teknik sapuan kosong. Teknik ini digunakan kerana

apabila kain siap diproses akan menghasilkan warna putih pada kain yang motif yang dililin.



Rajah 4.3.3.34, 4.3.3.35 dan 4.3.3.36: Kain yang telah selesai diwarna

Rajah di atas menunjukkan kain yang telah siap diwarna dan akan dijemur. Selepas kain ini selesai, proses mematkan warna menggunakan silikat dan soda as akan dijalankan.



Rajah 4.3.3.37 dan 4.3.3.38: Proses mencuci kain

Setelah selesai proses mewarna dan mematkan warna pada kain, kain perlu direbus dan dicuci sehingga bersih untuk menanggalkan lilin pada kain. Tujuan merebus kain untuk memudahkan lilin tertanggal pada kain. Selepas selesai proses membersihkan kain. Kain perlu dijemur dan telah siap ke semua proses. Kain boleh jahit dijadikan produk.



Rajah 4.3.3.39 dan 4.3.3.40: Proses menjahit produk

Proses akhir adalah menjahit kain yang telah siap untuk dijadikan produk kraftangan yang terpilih, pengkaji telah menjahit 6 barangan kraftangan yang boleh digunakan oleh bayi dan kanak-kanak.

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.3.3.41: Produk yang telah siap dijahit

Rajah di atas adalah produk kraftangan yang telah siap dijahit. Kesemua produk ini sesuai diguna pakai oleh bayi dan kanak-kanak. Produk 1 adalah selimut bedung bayi yang telah diinovasikan. Produk 2 dan 3 adalah baju kasual bagi kanak-kanak perempuan dan lelaki. Produk 4 adalah mainan kanak-kanak yang diolah daripada mainan patung pink panter. Mainan ini diubah badan diletakan kain batik. Produk ke 5 adalah bantal penyusuan bayi. Bantal ini amat sesuai digunakan oleh ibu-ibu yang menyusu badan kepada bayi.

Dengan penggunaan bantal ini, akan menghilangkan leguh badan ibu yang menyusui. Bantal ini boleh diikat pada pinggang. Akhir sekali adalah topi yang direka khas untuk kanak-kanak yang berumur 7 tahun.

PROSES PRODUK TYE AND DYE



RAJAH 4.3.3.42

Proses pertama adalah mengikat getah pada kain putih. Getah yang diikat pada kain putih perlu diikat dengan sekuat mungkin, jika ikatan pada kain tidak kemas, corak tidak akan terbentuk dengan cantik semasa proses pewarnaan tye and dye.

MALAYSIA

KELANTAN



RAJAH 4.3.3.43

Rajah di atas ialah kain yang telah siap diikat. Kain putih perlu diikat kesemuanya untuk menghasilkan pelbagai corak.



RAJAH 4.3.3.44 dan 4.3.3.45

Rajah di atas menunjukkan pengkaji melakukan proses bancuhan warna untuk proses tie and dye. Warna yang dibancuh perlu mengikut kesesuaian warna yang akan digabungkan. Warna yang perlu digabungkan perlu *matching* sesama warna. Pengkaji telah membancuh 1 warna 1 botol. Hal ini lebih mudah untuk proses pewarnaan. Di dalam botol yang diisi warna perlu dicampurkan sedikit

silikat (pemati warna kain) dan sedikit air. Warna dan silikat di dalam botol tersebut perlu digoncang sehingga sehati. Warna yang pengkaji gunakan adalah warna sintetik.



RAJAH 4.3.3.46 dan 4.3.3.47

Rajah di atas menunjukkan pengkaji sedang mewarnakan kain putih. Ini adalah proses tie and dye. Semasa pewarnaan kain putih ini, pengkaji perlu mewarna dengan warna yang seimbang pada kain supaya warna untuk menghasilkan tie and dye ini sekata ke seluruh kain putih.



RAJAH 4.3.3.48

Setelah selesai proses pewarnaan pada kain putih. Kain yang selesai diwarna perlu dijemur sehingga kering.



RAJAH 4.3.3.49

Kain yang telah kering akan direbus untuk membuang silikat yang telah dicampur dalam warna semasa proses pewarnaan. Selepas selesai proses merebus, getah yang diikat pada kain perlu digunting dengan berhati-hati. Jika tidak berhati-hati semasa proses menggunting getah pada kain, kain terkoyak. Selepas proses menggunting semua getah pada kain, kain perlu dibilas dan dicuci dengan bersih.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



RAJAH 4.3.3.50

Proses akhir adalah menjemur kain yang telah selesai kesemua proses tye and dye.



RAJAH 4.3.3.51

Rajah di atas menunjukkan produk tye and dye yang telah siap dijahit. Baju kasual ini sesuai dipakai oleh semua golongan wanita. Baju ini dibuat khas untuk semua saiz badan kerana baju ini berkonsepkan *loose and baggy*.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Bab 5 ini adalah kesimpulan bahagian yang terakhir dalam kajian sesebuah kajian. Pada bahagian ini, akan merumuskan kesimpulan kajian secara keseluruhan serta memberikan cadangan yang boleh dijadikan rujukan kepada kajian yang akan datang berkaitan dengan hasil kajian ini. Dalam bab ini juga, pengkaji akan menjawab segala persoalan-persoalan kajian yang menjadi tanda tanya.

5.1 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memfokuskan tentang teknologi yang digunakan untuk menghasilkan produk kraftangan. Kajian teknologi ini dijalankan kerana untuk menaikkan martabat produk kraftangan. Dengan penggunaan teknologi silk skrin ini, pembuatan produk kraftangan dengan elemen batik dapat dihasilkan dengan masa yang cepat dan kuantiti yang banyak. Kajian ini dilakukan dengan sebaik mungkin bagi memenuhi objektif kajian serta dapat menjawab persoalan kajian dengan sempurna. Bagi menambahbaik kajian ini, pengkaji perlu bijak dalam memilih kaedah metodologi yang ingin digunakan agar segala objektif dan persoalan kajian dapat diselesaikan dengan baik. Kajian ini, akan memperolehi hasil yang tepat dan jelas jika pemilihan kaedah dipilih dengan tepat.

Kajian ini sangat penting bagi masyarakat untuk mengenali teknologi yang boleh menginovasikan produk kraftangan. Dengan penambahbaikan produk kraftangan, produk kraftangan akan lebih diminati dan diguna pakai oleh semua masyarakat. Maka produk kraftangan ini tidak akan ketinggalan zaman. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat menimbulkan idea-idea baru untuk menginovasikan produk kraftangan dan memartabatkan produk kraftangan ke peringkat yang lebih tinggi.

5.2 CADANGAN

Hasil kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan supaya pengkaji akan datang dapat meningkatkan lagi hasil kajian yang bakal diperolehi lebih mendalam dan berkesan kepada semua masyarakat. Pengkaji yang akan datang perlu memperkenalkan lagi kelebihan produk kraftangan. Pengkaji seterusnya juga perlu memperkenalkan kebaikan dan kelebihan teknologi batik sutera saring (silk skrin), hal ini kerana ramai masyarakat masih berminat dengan produk canting tangan berbanding produk sutera saring (silk skrin). Pengkaji akan datang juga perlu meningkatkan lagi usaha dalam memartabatkan produk kraftangan dengan menggunakan teknologi sutera saring (silk skrin) ini.

Selain itu, pengkaji seterusnya dapat meningkatkan lagi penggunaan produk kraftangan dalam kegunaan barang harian seperti handbag, aksesori, kasut dan juga barangan bayi seperti mana pengkaji telah menginovasi produk kraftangan dalam kajian ini. Dengan penggunaan barangan kraftangan dalam kehidupan harian, produk kraftangan ini tidak akan

ketinggalan zaman dan lupus disebabkan oleh peredaran masa dan arus kemodenan.

Pengkaji yang akan datang boleh mengkaji semula sejauh mana penggunaan produk kraftangan ini dalam golongan masyarakat dan generasi yang akan datang. Hal ini kerana penggunaan produk kraftangan ini akan lebih dihargai dan dikenali oleh masyarakat generasi baru. Oleh itu, penggunaan produk kraftangan dan pemilihan teknologi yang digunakan ini amat penting untuk menarik citarasa generasi baru dalam penggunaan produk kraftangan.

RUJUKAN

1. Anim (2018, February). *Agro Technology*. Retired From <http://animhosnan.blogspot.com/2018/02/buah-ackee-itu-buah-apa.html?m=1>
2. Hajahfarhana. T.(2017, June). *Batik Canting*. Retired From <https://www.google.com.sg/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/hati/2017/06/234690/batik-canting-mampu-milik>
3. CheNorHasmira C.H.(2021, Julai). *Batik lambing seni warisan kreatif*. Retired From <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/93-berita-kampus/rencana-kampus/1772-batik-lambang-seni-warisan-kreatif>
4. T. S. Corner.(2014, April). *Cara Membuat Batik Lukis Atau Batik Canting*. Retired From <http://kalaivanikaliappan.blogspot.com/2014/04/cara-membuat-batik-lukis-atau-batik.html?m=1>
5. Danuri S. (2004). *Penggunaan Teknologi Komputer Dikalangan Pengusaha Batik*. Retired From https://www.academia.edu/1422057/Kajian_tahap_kesedaran_penggunaan_teknologi_komputer_dikalangan_pengusaha_pengusaha_batik_di_Kelantan?auto=download
6. S. Aisyah. (2018, June). *Teknologi Pemprosesan Batik Melayu*. Retired From <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/download/153/104/>
7. Zuliskandar. R. (2014, January). *Evolusi Penggunaan Blok dan Teknik Pembuatan Batik*. Retired From https://www.researchgate.net/publication/305282123_Evolusi_Penggunaan_Blok_dan_Teknik_Pembuatan_Batik_di_Malaysia_Satu_Pengenalan
8. B. Ivy. (2018, January). *Bunga Ivy*. Retired From <https://www.314167.info/2018/01/bunga-ivy/>
9. Tim. (2021, April). *Mengenal Tanaman Hias Bunga Ivy*. Retired From <https://www.google.com.sg/amp/s/www.cnnindonesia.com/gaya-hidup/20210420150319-277-632293/mengenal-tanaman-hias-ivy-dan-cara-merawatnya/amp>

LAMPIRAN





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN